





## PLANETARIUM NEGARA

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
53, Jalan Perdana  
50480 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel : 03-2273 4303

Faks : 03-2273 5488



 Planetarium Negara  PlanetariumKL

 planetarium.negara

[www.planetariumnegara.gov.my](http://www.planetariumnegara.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### PEMBUDAYAAN SAINS ANGKASA DITAMBAH BAIK DAN DIPERLUAS KE PERINGKAT SEKOLAH

**Kuala Lumpur, 16 Oktober 2017** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Planetarium Negara akan menambah baik dan menyebarkan program pembudayaan sains angkasa ke peringkat sekolah rendah dan menengah.

Usaha ini digembleng dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia yang merupakan inisiatif dalam memperkukuhkan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi menyokong dalam merealisasikan Pelan Hala Tuju Modal Insan Sains dan Teknologi Tahun 2020 untuk mencapai nisbah bilangan pelajar aliran sains dan sastera 60:40.

“*National Space Challenge Prime Minister’s Trophy (NSC2017)* yang dilaksanakan melalui pendekatan *hands on, minds on, hearts on* berperanan sebagai medium untuk menggalakkan lebih ramai murid untuk meminati STI dan menyokong inisiatif mengukuhkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)” kata Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi semasa Majlis Perasmian Penutup NSC hari ini.

Pada majlis yang sama turut disampaikan lima hadiah kepada pemenang NSC. Sebanyak 1,384 orang murid Tahun 4 dan 5 di seluruh negara mengambil ujian kelayakan secara atas talian namun hanya 32 orang berjaya melepasi persaingan bagi mewakili negeri masing-masing.

Hadir sama di program berkenaan adalah Timbalan Pengarah (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, YBhg. Datin Dr. Ng Soo Boon dan Pengarah Planetarium Negara, Anita Bahari./TAMAT-